

## KPDNHEP jamin barang keperluan mencukupi



ALEXANDER Nanta Linggi semasa sidang media pada majlis perasmian outlet Tealive-Kooperasi Warga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di kementeriannya. FOTO BERNAMA

Samadi Ahmad  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan makanan khususnya barang kawalan mencukupi di pasaran susulan arahan Perintah Kawalan Pergerakan diumumkan kerajaan semalam.

Menterinya, Datuk Alexander Nanta Linggi berkata, tiada keperluan untuk orang ramai mengadakan pembelian secara panik atau menyimpan barang berlebihan kerana keadaan masih terkawal dan bekalan mencukupi.

Menurut beliau, barangan seperti gula, minyak masak dan tepung gandum mencukupi di pasar raya dan kedai runcit bagi kegunaan domestik.

Katanya, lebih 2,500 penguat kuasa KPDNHEP seluruh negara diarahkan memantau bekalan agar peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga dan mengadakan aktiviti menyorok barang.

"Setakat ini, KPDNHEP masih tidak mengenakan sekatan kemasukan barang luar negara seperti dilakukan beberapa negara di Timur Tengah yang terkesan dengan wabak Covid-19 bagi mengelak kekurangan barang keperluan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas majlis perasmian cawangan Tealive Ke-506 di KPDNHEP di Putrajaya hari ini.

Alexander berkata, setakat ini kerajaan masih belum menghadkan pembelian barang kepada orang ramai kerana bekalan masih mencukupi.

Pada masa beliau turut memaklumkan kerajaan akan menghentikan eksport penutup hidung dan mulut ke luar negara dalam jangka masa terdekat bagi memberi keutamaan kepada pengguna dalam negara.

**Artikel ini disiarkan pada : Selasa, 17 Mac 2020 @ 7:06 PM**

